

R B059 BAH

PAS-CCC

KUALA LUMPUR, 24 MEI (BERNAMA) -- ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS PERUNDINGAN CINA (CCC) PUSAT AKAN KE KUBANG PASU MINGGU DEPAN UNTUK MENUBUHKAN CCC SEBAGAI USAHA MENDAPATKAN UNDI GOLONGAN CINA KEPADA PAS.

IA MERUPAKAN SATU STRATEGI YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA DALAM USAHA HENDAK MENGHADAPI UMNO DI KAWASAN ITU.

+SUNGGUHPUN USAHA ITU AGAK SUKAR HENDAK DICAPAI KERANA BILANGAN PENGUNDI CINA KURANG TETAPI CCC AKAN TERUS MENCUBA SUPAYA SEKURANG-KURANGNYA MAJORITI KEMENANGAN CALON UMNO DI SITU TIDAK TERLALU BESAR,+ KATA ANGGOTA JAWATANKUSA PENGANJUR CCC PUSAT ENCIK TAN AH CHYE KEPADA BERNAMA HARI INI.

SELAIN KUBANG PASU, BELIAU BERKATA USAHA SEDANG DILAKUKAN UNTUK MENUBUHKAN CCC DI ALOR SETAR. SETAKAT INI CCC TELAH PUN DITUBUHKAN DI PERAK, MELAKA, NEGERI SEMBILAN DAN PALING AKHIR DI PULAU PINANG YANG DITUBUHKAN PADA MINGGU LEPAS.

CCC SELANGOR AKAN DITUBUHKAN SECARA RASMINYA SELASA DEPAN YANG DISUSULI DENGAN CCC WILAYAH PERSEKUTUAN. KATA ENCIK TAN, DASAR CCC KINI IALAH UNTUK MENUBUHKAN CCC PADA SETIAP NEGERI DI SELURUH NEGARA. -- LAGI.

1353MST 24 05 86

R B060 BAH

PAS-CCC 2 KUALA LUMPUR

KATANYA SATU LAGI DIALOG CCC-MCA AKAN DIADAKAN PADA 1 JUN INI DI SEREMBAN SEBAGAI LANJUTAN DIALOG YANG DIADAKAN BARU-BARU INI DI IPOH.

MENURUTNYA, SEGALA PERSIAPAN TELAH DIATUR DAN ANGGOTA-ANGGOTA DARI BEBERAPA PERSATUAN TERMASUK HOKKIEN DAN HAKKA DIJANGKA MENGHADIRI DIALOG ITU. SEORANG KETUA MCA PERINGKAT BAHAGIAN TELAH PUN MENYATAKAN PERSETUJUAN UNTUK MENGHADIRINYA.

MENURUT ENCIK TAN LAGI, DIALOG ITU DAPAT MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA GOLONGAN CINA DAN ISLAM SETERUSNYA MENGHILANGKAN KESANGSIAN GOLONGAN CINA SELAMA INI TERHADAP AJARAN ITU.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA DIALOG BESAR-BESARAN PERINGKAT KEBANGSAAN SEDANG DIRANGKA DAN TAJUK DIALOG ITU IALAH +PERLUKAH KAUM CINA MENGUNDI UMNO ATAU PAS?+

BELIAU BERHARAP SELURUH PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAPAT MENGHADIRI MAJLIS DIALOG YANG DICADANGKAN ITU. -- BERNAMA

1357MST 24 05 86